

**SOALAN NO. 15****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN****MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT****PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)****MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJAH NORMALA BINTI**

**ABDUL SAMAD (PASIR GUDANG)**

**TARIKH : 8 OGOS 2017 (SELASA)**

**SOALAN :**

Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad (Pasir Gudang) minta

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN**

**MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha-usaha dan peluang-peluang yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi membantu usahawan-usahawan kecil khususnya daripada golongan wanita yang menjalankan perniagaan kecil seperti menjual sarapan pagi, membuat kuih, kraftangan dan sebagainya.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Pembangunan Wanita juga telah membantu golongan wanita serta ibu tunggal dengan menyediakan beberapa peluang untuk meningkatkan penglibatan diri dalam bidang keusahawanan. **Bazar Wanita 1Malaysia** diwujudkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan merupakan salah satu program yang diperkenalkan di bawah Inisiatif NBOS - *1Malaysia Women's Initiative for Self-Empowerment (1MWISE)* yang dipertanggungjawabkan kepada KPWKM untuk usahawan wanita berpendapatan rendah. Inisiatif ini dilaksanakan di pasar tani, Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan Pusat Transformasi Bandar (UTC) dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Sehingga Disember 2016, **Bazar Wanita 1Malaysia** telah dilancarkan di Putrajaya, Kelantan, Pahang, Terengganu, Pulau Pinang, Selangor, Kedah, Perak, Melaka, Sabah dan Negeri Sembilan dengan jumlah

peserta seramai **138 orang**. Terdapat peningkatan jumlah peserta sehingga Jun 2017 iaitu seramai **155 orang**. Data ini menunjukkan peningkatan jumlah peserta sebanyak 11 % dalam tempoh 6 bulan.

Selain daripada itu, Kementerian ini juga membantu usahawan wanita dengan kerjasama agensi lain dalam program seperti DanaNita, TEMANITA dan TEKUN. Program seperti **Laman Wanita (LaWa)** juga merupakan salah satu inisiatif kolaborasi strategik Kementerian untuk membantu usahawan wanita mengembangkan pasaran mereka. Setakat ini seramai **33 orang** usahawan wanita yang beroperasi menerusi Program LaWa@MaTiC dan LaWa@MelakaMall dengan purata pendapatan bulanan sebanyak RM750 hingga RM3,200. Seterusnya program ini dilebarluaskan lagi di Kem Terendak menerusi Program LaWa@Camp dan LaWa@Campus yang diadakan di UPM.

Antara usaha lain adalah melalui **Program I-KIT dan I-KeuNita** atau yang kini dikenali dengan nama ***Development of Women Entrepreneurs Initiative (DEWI)***. Program DEWI menggunakan konsep inkubator atau *hand holding* (latih dan bimbing) yang mana peserta akan diberikan latihan kemahiran dan penyeliaan yang rapi agar mereka mampu menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup. Program ini dilaksanakan di seluruh negara menerusi Pejabat Pembangunan

Wanita Negeri (PPWN), Biro Wanita Sarawak (BWS) dan Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA).

Pencapaian I-KIT sejak program ini mula diperkenalkan pada tahun **2008 sehingga 31 Disember 2016** menunjukkan seramai **5,294 wanita** telah menyertai program ini. Manakala Program I-KeuNita yang diperkenalkan pada tahun **2010 sehingga 31 Disember 2016** pula, seramai **8,510 wanita** telah menyertai program ini.